



ASM 2 Wawasan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2022

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 20 OKTOBER 2021

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI) telah dikemaskini melalui Prospektus Induk Tambahan Pertama yang bertarikh 20 Oktober 2021 (PITP). Kemaskini yang dilakukan di dalam PI adalah seperti berikut:

- 1) Penambahan definisi tentang Bursa Malaysia, Tempoh Bertenang, dan "Electronic Know Your Customer" (e-KYC) di bawah "Glosari Tema/Singkatan";
- 2) Kemaskini pernyataan prestasi penanda aras di bawah "Informasi Tabung";
- 3) Pembedulan berkenaan had penumpuan pelaburan bagi Tabung di bawah naungan ASN Umbrella, untuk ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 di bawah "Maklumat Tabung";
- 4) Kemaskini tentang pendedahan risiko pandemik di bawah "Risiko Force Majeure" berkenaan "Risiko Am";
- 5) Pindaan ke atas ilustrasi Harga Tunggal untuk ASN, ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Equity 5, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2, ASN Sara 2 di bawah "Polisi Harga Tunggal";
- 6) Penambahan berkenaan keperluan had maksimum untuk badan korporat atau badan bukan korporat di Malaysia atau institusi bagi tabung ASB dan ASB 2 untuk tujuan wakaf di bawah "Butir-butir Transaksi";
- 7) Penerangan mengenai proses e-KYC yang baharu diperkenalkan iaitu proses untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti Pemegang Unit ASNB yang berpotensi secara elektronik di bawah Polisi dan Prosedur Pencegahan Pengubahan Wang Haram;
- 8) Pernyataan semula berkenaan tempoh bertenang untuk kejelasan dan pemahaman yang lebih baik kepada Pemegang Unit di bawah "Informasi Tambahan";
- 9) Senarai surat ikatan tambahan yang telah dikemas kini di bawah "senarai surat ikatan yang dimeterai antara Pengurus dan Pemegang Amanah";
- 10) Maklumat mengenai pelantikan baharu Tun Arifin bin Zakaria dan Encik Ahmad Zulqarnain bin Che On sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "Latar belakang Pengurus";
- 11) Permohonan yang diluluskan mengenai pengecualian dan variasi yang diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk Dana Harga Tetap, melalui suratnya yang bertarikh 16 Ogos 2021 di bawah "Kelulusan dan Syarat";
- 12) Pemansuhan pernyataan berkenaan "Transaksi Pihak Berkaitan/Konflik Kepentingan" di bawah "Konflik Kepentingan";
- 13) Maklumat berhubung Tetuan Ernst & Young PLT di bawah "Deklarasi Konflik Kepentingan";
- 14) Maklumat berhubung dengan Pengecualian Cukai untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 di bawah "Percukaian Tabung"; dan
- 15) Kemaskini senarai ejen ASNB.

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITP ini boleh diperolehi di laman sesawang ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my.

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	8
4. PENYATA PENGURUS	15
5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	16
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASM 2 WAWASAN17	
7. PENYATA KEWANGAN	19
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2022	19
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2022	20
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2022	21
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Ogos 2022	22
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	33
9. MAKLUMAT KORPORAT	35

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN,
(ASM 2 WAWASAN)**



ASM 2 Wawasan

Pemegang-pemegang unit ASM 2 Wawasan yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASM 2 Wawasan dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASM 2 Wawasan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan, (ASM 2 Wawasan)	Aset Campuran	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASM 2 Wawasan adalah untuk memberi kadar pulangan yang berpatutan kepada pemegang-pemegang unit menerusi pelaburan dalam portfolio terpilih yang terdiri daripada pelaburan yang dibenarkan.

Nota: ASM 2 Wawasan bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Unit Amanah.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASM 2 Wawasan menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASM 2 Wawasan akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Ogos 2022, seramai 906,646 individu telah melabur dalam tabung ASM 2 Wawasan. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	602,811	66.49	599,476,785.60	2.55
5,001 hingga 10,000	65,531	7.23	465,470,057.06	1.98
10,001 hingga 50,000	157,515	17.37	3,790,385,976.78	16.15
50,001 hingga 500,000	75,357	8.31	9,519,639,091.30	40.58
500,001 dan ke atas	5,432	0.60	9,088,109,696.58	38.74
JUMLAH	906,646	100.00	23,463,081,607.32	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

- A. Perumpukan Aset Bagi ASM 2 Wawasan Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos (%)		
	2022	2021	2020
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	7.95	11.56	8.76
Barangan Bukan Asasi Pengguna	3.05	3.66	3.70
Barangan Asasi Pengguna	6.75	6.07	9.75
Tenaga	2.00	4.21	3.12
Kewangan	27.87	24.64	23.62
Penjagaan Kesihatan	1.57	1.44	4.61
Perindustrian	7.40	6.73	5.69
Teknologi Maklumat	5.00	3.32	3.40
Bahan Asas	2.59	4.35	2.21
Hartanah	8.99	5.94	4.40
Utiliti	8.93	10.57	10.56
Jumlah	82.10	82.49	79.82
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Skim Pelaburan Kolektif Yang Disenaraikan	2.10	1.89	0.29
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	9.23	9.95	12.04
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	6.57	5.67	7.85
Jumlah	100.00	100.00	100.00

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad	13.68
2	CIMB Group Holdings Berhad	6.42
3	Tenaga Nasional Berhad	4.89
4	Sime Darby Plantation Berhad	3.87
5	Petronas Gas Berhad	2.41
6	PNB REAL ESTATE 1 LLC USD	2.24
7	Telekom Malaysia Berhad	2.07
8	Public Bank Berhad	1.89
9	Axiata Group Berhad	1.84
10	AmBank (M) Berhad	1.78
11	PNB CAPITAL LLC	1.63
12	Gamuda Berhad	1.43
13	PNB REAL ESTATE 1 LLC EUR	1.36
14	IJM Corporation Berhad	1.32
15	IOI Corporation Berhad	1.26
16	Digi.Com Berhad	1.26
17	Maxis Berhad	1.25
18	Petronas Dagangan Berhad	1.11
19	Sime Darby Berhad	1.09
20	MISC Berhad	0.92

Nota : Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2022	2021	2020
Unit Dalam Edaran (Juta)	23,533.1	23,031.10	22,586.10
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	3.75	4.00	4.00
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	882.25	919.06	901.71
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 September 2022	1 September 2021	1 September 2020
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	0.63	0.67	0.61
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.71	0.45	0.45

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASM 2 Wawasan yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASM 2 Wawasan untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2021 berbanding tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASM 2 Wawasan untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2021 berbanding tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022 adalah ketara disebabkan oleh peningkatan aktiviti jual beli bagi meningkatkan pendapatan ASM 2 Wawasan untuk tujuan pengagihan pendapatan.

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022, ASM 2 Wawasan telah memperuntukkan sejumlah RM882,252,589 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 3.75 sen seunit.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASM 2 Wawasan adalah seperti berikut:

	Pada 31 Ogos 2022		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	3.75	3.92	4.55
Penanda Aras (%) ²	1.98	2.14	2.64

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
 - Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa
 - Pulangan 3 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
 - Pulangan 5 tahun = $\left[\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$
- Pengiraan penanda aras ialah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 Mei 2018, penanda aras tabung ialah Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 Mei 2018, penanda aras ialah Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASM 2 Wawasan berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos				
	2022	2021	2020	2019	2018
Jumlah Pulangan Tahunan (%) ¹	3.75	4.00	4.00	5.00	6.00
Penanda Aras (%) ²	1.98	1.85	2.60	3.27	3.49

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

- Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
- Pengiraan penanda aras ialah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 Mei 2018, penanda aras tabung ialah Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 Mei 2018, penanda aras ialah Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASM 2 Wawasan tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASM 2 Wawasan. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "*Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies*". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil usniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

Tabung ASM 2 Wawasan telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASM 2 Wawasan adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa-bursa saham antarabangsa yang diiktiraf, sekuriti tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Iktatan ASM 2 Wawasan. ASM 2 Wawasan boleh melaburkan sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) pada kos dalam ekuiti dan selebihnya di dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASM 2 Wawasan akan melaksanakan strategi yang bersesuaian mengikut keadaan ekonomi, pasaran saham dan kadar faedah semasa di peringkat antarabangsa dan juga tempatan.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022, strategi pelaburan ASM 2 Wawasan telah dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi dan prestasi pasaran modal tempatan dan antarabangsa. ASM 2 Wawasan telah mengharungi keadaan pasaran modal yang mencabar sepanjang tahun kewangan 2022. Antara faktor yang menyumbang kepada pasaran yang mencabar adalah kenaikan kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa untuk menangani risiko inflasi, gangguan rantaian bekalan dunia, konflik geopolitik antara Russia dan Ukraine sejak bulan Februari 2022 serta harga komoditi utama dunia yang tinggi dan tidak menentu. Walau bagaimanapun, faktor-faktor seperti pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa serta kenaikan harga komoditi dunia telah membantu prestasi pasaran modal tempatan. Sehubungan itu, ASM 2 Wawasan telah melaksanakan strategi pelaburan melalui perumpukan aset antara ekuiti tempatan dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif bagi memastikan objektif ASM 2 Wawasan tercapai.

Ekuiti

Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding kelas-kelas aset yang lain bagi menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Dalam persekitaran pasaran saham yang sangat mencabar bagi kedua-dua pasaran tempatan dan antarabangsa, pelaburan ASM 2 Wawasan dalam ekuiti telah dilakukan secara selektif dalam sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, prospek perniagaan yang mampan, dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi dan pasaran saham

tempatan dan antarabangsa. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan kepada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten.

i. Domestik

Bagi ekuiti tempatan, pelaburan telah dilaksanakan secara selektif bergantung kepada situasi pasaran. Selain pelaburan jangka masa panjang dalam saham-saham syarikat yang kukuh, Pengurus Pelaburan ASM 2 Wawasan turut mengambil strategi taktikal bergantung kepada prestasi pasaran saham yang membolehkan penjualan saham tertentu bagi menjana pulangan kepada portfolio pelaburan. Antara sektor yang diberi tumpuan adalah sektor yang mendapat manfaat ekoran kenaikan harga minyak sawit mentah (CPO) seperti sektor Barangan Asasi Pengguna, terutamanya syarikat-syarikat berkaitan Perladangan. Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada sektor Kewangan yang mendapat manfaat dari kenaikan kadar faedah yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Pelaburan untuk jangka masa panjang juga telah dilaksanakan dalam sektor yang mempunyai pertumbuhan pendapatan yang tinggi dan prospek jangka panjang yang positif seperti dalam sektor Teknologi Maklumat.

Pada masa yang sama, pelaburan dalam sektor-sektor yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif seperti sektor Kewangan dan sektor Hartanah terutamanya sektor Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) turut diberi penekanan. Ini adalah bagi memastikan ASM 2 Wawasan dapat mencapai pulangan yang mampan dalam menghadapi keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar.

ii. Antarabangsa

Bagi mempelbagaikan aset dalam portfolio, ASM 2 Wawasan turut melabur dalam ekuiti antarabangsa yang mempunyai kadar kecairan yang lebih tinggi berbanding ekuiti tempatan. Di samping berpotensi untuk memberikan pulangan yang lebih tinggi, pelaburan ekuiti antarabangsa turut berpotensi untuk mempelbagaikan risiko portfolio pelaburan ASM 2 Wawasan. Pelaburan di pasaran antarabangsa tidak tertumpu kepada sesebuah negara sahaja malah pelaburan telah dibuat dalam beberapa pasaran utama dunia seperti pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan juga Asia.

Bagi tahun kewangan ini, pelaburan ASM 2 Wawasan lebih tertumpu kepada pelaburan dalam sektor yang lebih stabil atau defensif seperti Penjagaan Kesihatan (tidak termasuk segmen pembuatan sarung tangan) dan Barangan Asasi Pengguna untuk mengharungi keadaan pasaran modal yang mencabar. Di samping itu, pelaburan taktikal juga telah dilaksanakan bagi menjana keuntungan dalam sektor-sektor yang mendapat manfaat ekoran pergerakan harga komoditi dunia seperti sektor Tenaga.

Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tuna

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022, ASM 2 Wawasan telah melabur dalam sekuriti berpendapatan tetap. Pembelian sekuriti berpendapatan tetap yang dilakukan adalah daripada terbitan yang mempunyai purata kadar hasil yang lebih tinggi daripada kadar pasaran wang dan kedudukan penarafan kredit sekurang-kurangnya "AA2" bagi memastikan pulangan kekal kompetitif berdasarkan risiko kredit yang telah diambil. Pelaburan telah dilakukan dalam sektor Pengangkutan dan Petrokimia yang mempunyai tempoh matang antara 3 hingga 7 tahun. Sektor-sektor ini dilihat mempunyai prestasi kewangan yang kukuh selaras dengan risiko kredit yang diambil.

Selain sekuriti berpendapatan tetap korporat, pelaburan juga dibuat di dalam sekuriti berpendapatan tetap Kerajaan Malaysia untuk menjana pulangan daripada pendapatan faedah dan keuntungan daripada aktiviti jual beli.

Pelaburan juga dibuat dalam pasaran wang untuk memastikan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi melabur di dalam kelas aset yang berlainan seperti pasaran saham tempatan dan antarabangsa.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi pasaran saham tempatan, penanda aras utama iaitu FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) mencatatkan penurunan sebanyak -5.6% daripada paras 1,601.38 mata pada 31 Ogos 2021 kepada paras 1,512.05 mata pada 31 Ogos 2022. Ini adalah kerana pasaran saham tempatan telah dipengaruhi oleh kebimbangan pelabur terhadap risiko inflasi dunia, pergerakan harga komoditi yang tidak menentu dan permasalahan yang dihadapi rantaian bekalan dunia. Kemelut politik dalam negara juga turut melemahkan sentimen pasaran tempatan.

Sektor yang mencatatkan kenaikan tertinggi dalam tahun kewangan 2022 adalah sektor Kewangan (+8.0%) diikuti dengan sektor Perladangan (+6.6%). Sementara itu, sektor yang mencatatkan penurunan terbanyak dalam tempoh yang sama adalah sektor Penjagaan Kesihatan (-45.1%), sektor Teknologi (-29.1%) dan sektor Telekomunikasi (-14.7%). Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan tertinggi dalam tahun kewangan 2022 adalah Petronas Dagangan (+17.7%), Public Bank (12.7%) dan Sime Darby Plantation (+10.7%), manakala saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan yang terbanyak dalam tempoh yang sama adalah Top Glove (-79.9%), Hartalega (-77.5%) dan Axiata Group (-26.6%).

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah merosot sebanyak -7.19% untuk ditutup pada paras RM4.4760/USD pada 31 Ogos 2022 berbanding RM4.1552/USD pada 31 Ogos 2021. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.4900/USD pada 29 Ogos 2022, manakala paras tertinggi adalah RM4.1355/USD pada 10 September 2021. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh kekuatan relatif mata wang Amerika Syarikat (USD) yang dipengaruhi oleh kenaikan kadar dasar oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) untuk mengawal kenaikan kadar inflasi.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku kedua 2022 telah meningkat sebanyak +8.9% berbanding peningkatan sebanyak +5.0% pada suku pertama 2022 hasil daripada dasar fiskal yang akomodatif melalui Bajet 2022, impak positif dari pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia, serta dasar monetari BNM yang kekal akomodatif. Pembukaan semula ekonomi sepenuhnya dan sempadan antarabangsa telah mendorong pertumbuhan penggunaan swasta sebanyak +18.3% (berbanding suku pertama 2022: +5.5%) yang merupakan penyumbang utama kepada KDNK. Selain itu, pertumbuhan suku kedua 2022 juga disokong oleh pemulihan pasaran buruh yang berterusan dan peningkatan permintaan dalam dan luar negara, terutamanya melalui sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Pasaran saham antarabangsa juga menghadapi pelbagai cabaran sepanjang tahun kewangan 2022. Indeks komposit utama antarabangsa mula menunjukkan prestasi yang tidak menentu mulai September 2021 yang berpunca dari pelbagai faktor seperti siri kenaikan kadar faedah oleh bank-bank pusat antarabangsa bagi menangani risiko inflasi, polisi "zero-covid" yang diambil oleh China, krisis hutang hartanah di China, gangguan terhadap rantaian bekalan dunia, konflik geopolitik antara Rusia dan Ukraine sejak Februari 2022 serta ketidaktentuan harga komoditi utama dunia.

Dalam keadaan pasaran yang tidak menentu, kebanyakan indeks utama pasaran saham antarabangsa mengakhiri tahun kewangan lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Indeks utama dari Amerika Syarikat (S&P 500), Eropah (STOXX 50) dan Hong Kong / China (HSCEI) masing-masing mencatatkan prestasi lebih rendah pada kadar -12.6%, -16.2% dan -25.2% berbanding permulaan tahun kewangan bagi ASM 2 Wawasan.

Sementara itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN adalah lebih berdaya saing berbanding pasaran saham Barat didorong oleh pembukaan ekonomi negara masing-masing. Prestasi tertinggi dicatatkan oleh Indonesia (JCI, +16.7%) diikuti oleh Singapura (STI +5.5%) dan Thailand (SET, 0.01%).

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) telah dinaikkan sebanyak dua kali oleh BNM, masing-masing sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei dan Julai 2022 dari 1.75% pada bulan Julai 2020 kepada 2.25%. Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan turut naik 50 mata asas dari kadar 1.85% kepada 2.35%.

Pemulihan ekonomi dunia daripada pandemik COVID-19, ketersediaan kredit mudah, gangguan rantaian bekalan dunia, antara lain telah menyebabkan kenaikan inflasi secara mendadak. Sejajar dengan ini, kadar hasil bon juga turut meningkat ekoran kenaikan kadar dasar hasil oleh bank-bank pusat bagi membendung isu kenaikan inflasi ini. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) telah mencatatkan kenaikan dalam tempoh yang sama. Berbanding kadar hasil pada 31 Ogos 2021, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing telah ditutup lebih tinggi pada 3.43%, 3.70% dan 3.98%, kenaikan sebanyak 104, 105 dan 76 mata asas. Dalam pasaran bon korporat pula, perubahan kadar hasil secara

relatifnya adalah sejajar dengan sekuriti kerajaan. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan kenaikan kadar hasil antara 76 hingga 110 mata asas.

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Pengurus Pelaburan turut melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Amerika Syarikat dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada ASM 2 Wawasan. Pada awal tahun kewangan, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat telah menjangkakan kadar inflasi domestik akan meningkat susulan pembukaan sektor ekonomi selepas pandemik COVID-19 di samping isu rantaian bekalan dunia yang berpanjangan. Faktor ini telah mendorong kepada peningkatan jangkaan oleh para pelabur bahawa Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat akan menaikkan kadar hasil (Fed Fund Rate) secara lebih agresif dalam usaha menangani kadar inflasi yang tinggi. Hal ini telah menjejaskan permintaan perlaburan terhadap sekuriti berpendapatan tetap Amerika Syarikat dikalangan para pelabur. Seiring dengan kenaikan kadar inflasi yang ketara, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat dilihat telah bersifat agresif dengan menaikkan kadar faedah sebanyak 1.25% pada bulan Mei dan Jun secara kumulatif dalam usaha membendung tekanan kenaikan harga yang mendadak didorong oleh kenaikan ketara harga komoditi utama dunia akibat konflik di antara Rusia dan Ukraine yang berlarutan.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Dalam laporannya pada bulan Julai 2022, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan bahawa kadar pertumbuhan dunia akan meleset kepada 2.9% untuk tahun 2023 berbanding 3.2% bagi unjuran tahun 2022. Oleh yang demikian, bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023, keadaan pasaran modal tempatan dan antarabangsa dijangka akan terus mencabar didorong oleh ketegangan konflik geopolitik berlarutan di Eropah yang turut menyumbang kepada ketidakpastian pasaran saham antarabangsa yang memburukkan keadaan inflasi sedunia. Selain itu, terdapat juga risiko kemelesatan ekonomi dalam masa terdekat sekiranya bank-bank pusat dunia terpaksa menaikkan kadar faedah dengan agresif dalam tempoh masa yang singkat untuk mengawal kadar inflasi daripada terus meningkat.

Selain dari faktor luaran, pasaran tempatan pula mungkin turut dipengaruhi oleh ketidakpastian polisi ekoran pilihan raya umum yang dijangkakan akan berlangsung selewat-lewatnya September 2023. Antara isu yang boleh mempengaruhi kadar permintaan tempatan adalah subsidi minyak masak dan RON 95 yang akan meningkatkan kos sara hidup dan mengurangkan kecenderungan rakyat untuk berbelanja bagi merancakkan ekonomi tempatan. Isu kekurangan tenaga buruh asing daripada negara-negara jiran juga dijangkakan memberi kesan negatif kepada sektor perladangan dan pembuatan yang akan membimbangkan pelabur bagi melabur dalam pasaran saham tempatan.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan ASM 2 Wawasan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran tempatan dan antarabangsa dengan sewajarnya. Pengurus Pelaburan juga akan menumpukan untuk mempelbagaikan aset-aset dalam portfolio pelaburan meliputi kelas-kelas aset seperti ekuiti, hartanah, ekuiti swasta, sekuriti berpendapatan tetap dan wang tunai yang dijangka dapat membantu kadar pulangan Tabung supaya kekal kompetitif berbanding penanda aras serta dalam masa yang sama dapat mengurangkan risiko portfolio pelaburan.

Ekuiti

i. Domestik

Bagi 12 bulan seterusnya, strategi pelaburan ekuiti tempatan akan terus tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai kedudukan kewangan dan asas perniagaan yang kukuh di samping memberikan pulangan dividen yang stabil. Namun, pelaburan ekuiti ini akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif di dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu dan mencabar. Selain itu, Tabung ASM 2 Wawasan juga akan menumpukan pelaburan kepada sektor yang mendapat manfaat serta mampu mengambil peluang dari peningkatan konsumsi tempatan.

Selain itu, pelaburan secara taktikal juga akan dilakukan dalam sektor yang mendapat manfaat dari unjuran harga komoditi yang dijangkakan kekal pada paras yang tinggi seperti saham-saham dalam sektor Barangan Asasi Pengguna dan Tenaga.

Di samping itu, pelaburan secara taktikal juga akan dilaksanakan dalam sektor Kewangan yang kebiasaannya akan menunjukkan prestasi lebih baik dalam landskap ekonomi dunia yang mengalami kenaikan kadar faedah. Pengurus Pelaburan juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

ii. Antarabangsa

Pengurus Pelaburan juga akan terus meningkatkan pelaburan dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan secara berhemah dan berperingkat mengikut kesesuaian keadaan ekonomi antarabangsa dan kadar matawang asing. Di samping itu, pelaburan antarabangsa juga akan dilakukan secara selektif, berdasarkan geografi yang ditetapkan setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan sedunia.

Pelaburan antarabangsa akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang positif dan kadar pertumbuhan pendapatan yang kukuh. Antara sektor-sektor yang dikenalpasti adalah sektor Teknologi Maklumat terutamanya segmen perisian dan sektor yang mempunyai industri-industri yang berkaitan dengan teknologi 5G, kenderaan elektrik dan teknologi tenaga hijau.

Selain itu, pelaburan ekuiti antarabangsa juga akan ditumpukan dalam sektor-sektor yang dijangka akan mendapat keuntungan dari harga komoditi utama dunia yang diunjurkan akan kekal pada paras yang tinggi seperti sektor Tenaga dan sektor yang mengalami pemulihan permintaan pengguna berikutan pembukaan semula sempadan negara di seluruh dunia seperti sektor Barangan Bukan Asasi Pengguna. Bagi mengurangkan risiko portofolio pelaburan, pelaburan dalam sektor yang lebih defensif seperti sektor Penjagaan Kesihatan dan Barangan Asasi Pengguna juga akan dilakukan bagi melindungi Tabung dari keadaan pasaran saham antarabangsa yang mencabar.

Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Pengurus Tabung ASM 2 Wawasan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti hutang kerajaan dan swasta jangka masa sederhana yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil serta mempunyai kadar kecairan yang tinggi. Pelaburan juga akan menggunakan strategi taktikal yang aktif untuk melabur dalam pelbagai pelaburan terpilih bertujuan untuk mengurangkan risiko portfolio pelaburan.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap akan dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASM 2 Wawasan. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

Tabung ASM 2 Wawasan juga akan melabur di dalam pelaburan berisiko rendah seperti pelaburan di dalam wang tunai sejajar dengan tahap perkembangan ekonomi dan juga pasaran saham.

Bagi mengekalkan modal jangka panjang serta pulangan yang kompetitif, Pengurus Pelaburan ASM 2 Wawasan akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah-ubah.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 – WAWASAN

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 – WAWASAN ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 – WAWASAN, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Ogos 2022, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 – WAWASAN, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 23 September 2022.

TUN ARIFIN BIN ZAKARIA

Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

23 September 2022

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 – WAWASAN ("Tabung"),

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Yang benar,

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

23 September 2022

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASM 2 WAWASAN

Laporan penyata kewangan

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos 2022, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN untuk tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2022.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 23 September 2022.

Tanggungjawab pengurus untuk ringkasan penyata kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos 2022 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT

202006000003

(LLP0022760-LCA) & AF 0039

Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor

No. 03083/07/2023 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

23 September 2022

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		102,872,710	107,825,680
Pendapatan dari PNB	5	107,700,000	-
Pendapatan dividen		647,588,587	538,995,063
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		61,895,278	542,290,029
Keuntungan/(kerugian) bersih kadar tukaran asing		13,181,048	(17,234,870)
		<u>933,237,623</u>	<u>1,171,875,902</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	6	119,659,495	120,959,291
Yuran pemegang amanah	7	750,000	750,000
Ganjaran juruaudit		30,000	30,000
Yuran ejen cukai		4,700	4,500
Perbelanjaan pentadbiran		25,115,556	32,778,619
Rosot nilai dalam pelaburan disebut harga		13,612,000	90,504,778
		<u>159,171,751</u>	<u>245,027,188</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI		774,065,872	926,848,714
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	8	-	-
		<u>774,065,872</u>	<u>926,848,714</u>
Pengagihan pelaburan	9	882,252,589	919,060,047
Pengagihan kasar dan bersih seunit		3.75 sen	4.00 sen
Tarikh pengagihan		<u>1 September 2022</u>	<u>1 September 2021</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		760,186,433	937,981,329
Tidak ternyata		13,879,439	(11,132,615)
		<u>774,065,872</u>	<u>926,848,714</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2022**

Nota	2022	2021
	RM	RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	774,065,872	926,848,714
Lain-lain pendapatan komprehensif	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN	<u>774,065,872</u>	<u>926,848,714</u>
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	760,186,433	937,981,329
Tidak ternyata	13,879,439	(11,132,615)
	<u>774,065,872</u>	<u>926,848,714</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2022

	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	6,402,067,380	8,318,350,851
Pembelian pelaburan	(6,532,759,292)	(8,598,549,145)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	50,000,000	40,000,000
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(248,107,141)	(50,000,000)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	275,669,894	50,178,928
Pendapatan dividen diterima	640,956,410	539,470,219
Pembayaran yuran pengurusan	(119,353,940)	(228,118,258)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(750,000)	(750,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(25,146,700)	(20,362,812)
Tunai bersih dihasilkan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	<u>442,576,611</u>	<u>50,219,783</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	903,100,000	745,000,000
Pengagihan dibayar	(919,060,047)	(300,000,000)
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(418,700,000)	(901,714,294)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(434,660,047)</u>	<u>(456,714,294)</u>
PENAMBAHAN /(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	7,916,564	(406,494,511)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	13,181,047	(17,234,870)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>1,836,582,301</u>	<u>2,260,311,682</u>
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	237,262,561	375,885,661
Deposit dengan institusi kewangan	1,868,524,492	1,510,696,640
Tolak:-	2,105,787,053	1,886,582,301
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(248,107,141)	(50,000,000)
	<u>1,857,679,912</u>	<u>1,836,582,301</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 OGOS 2022

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Suratikatan bertarikh 14 Ogos 1996, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, Amanah Raya Trustee Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 7.1 Suratikatan. Pelaburan Dibenarkan termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 2 September 1996, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 23 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 23 September 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Garis Panduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

Entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 September 2021 adalah tertakluk kepada MFRS yang baru dan telah disemak semula tanpa memberi kesan kepada penyata kewangan Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, skim pelaburan kolektif disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap Dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("Reits") Dan Skim Pelaburan Kolektif Disenaraikan

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham tidak disebut harga, waran, REITs dan skim pelaburan kolektif disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah tidak (i) mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan institusi kewangan

Deposit dengan institusi kewangan adalah dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan belum terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan daripada penjualan pelaburan ialah perbezaan di antara nilai bersih dan nilai bawaan pelaburan.

(g) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM

- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM

Transaksi dan imbangan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus Pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko

penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan direkodkan sebanyak RM13,612,000 (2021: RM90,504,778).

COVID-19 telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020. Wabak ini dan tindakan kerajaan Malaysia serta kerajaan-kerajaan di dunia bagi menangani wabak ini telah memberi kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti komuniti, ekonomi dan operasi perniagaan. Oleh kerana wabak ini masih berkembang, adalah sangat sukar bagi meramalkan sejauh mana jangka masa dan kesannya terhadap perniagaan dan ekonomi, tempatan mahupun global. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan terus menyaksikan peningkatan gelombang turun naik.

Pengurus telah memastikan bahawa tinjauan penurunan nilai pelaburan Amanah adalah berdasarkan maklumat yang munasabah dan boleh disokong. Ini termasuk mencerminkan bahawa kesan kejutan wabak ini adalah bersifat sementara dan juga mengambilkira langkah-langkah sokongan ekonomi dan kewangan yang telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan lain di seluruh dunia untuk mengurangkan kesan COVID-19 kepada perniagaan dan ekonomi. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

5. PENDAPATAN DARIPADA PNB

Dalam tempoh semasa, PNB telah memberikan beberapa pelaburan di dalam saham keutamaan tidak disebut harga di Malaysia berjumlah RM107,700,000 sebagai sebahagian daripada rancangan penyusunan semula portfolio pelaburan Unit Amanah.

6. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah. Pada tahun ini, pihak Lembaga Pengarah telah meluluskan pengurangan sebanyak RM122.2 juta (2021: RM117.8 juta).

Yuran pengurus dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022 sebanyak 0.51% (2021: 0.51%) daripada NAB Unit Amanah.

7. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022 ditetapkan pada RM750,000 (2021: RM750,000).

8. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, potongan cukai di sumber bagi pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

9. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2022	2021
	RM	RM
Peruntukan pengagihan	<u>882,252,589</u>	<u>919,060,047</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Ogos 2022 sebanyak 3.75 sen (2021: 4.00 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2022 RM	2021 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	102,872,710	107,825,680
Pendapatan dari PNB	107,700,000	
Pendapatan dividen	647,588,587	538,995,063
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	61,895,278	523,368,747
Kerugian bersih ternyata kadar tukaran asing	(698,391)	(6,102,255)
	<u>919,358,184</u>	<u>1,164,087,235</u>
Keuntungan ternyata daripada tahun-tahun sebelumnya	122,066,156	-
	<u>1,041,424,340</u>	<u>1,164,087,235</u>
Tolak: Perbelanjaan	(159,171,751)	(245,027,188)
Jumlah pengagihan	<u>882,252,589</u>	<u>919,060,047</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>3.75 sen</u>	<u>4.00 sen</u>

10. MODAL PEMEGANG UNIT

	2022		2021	
	Unit	RM	Unit	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	23,031,100,000	23,031,100,000	22,586,100,000	22,586,100,000
Penjadian unit untuk:				
Jualan	230,700,000	230,700,000	-	-
Pelaburan semula				
pengagihan	690,000,000	690,000,000	745,000,000	745,000,000
Pembatalan unit	(418,700,000)	(418,700,000)	(300,000,000)	(300,000,000)
Pada akhir tahun	<u>23,533,100,000</u>	<u>23,533,100,000</u>	<u>23,031,100,000</u>	<u>23,031,100,000</u>

Sepanjang tahun berakhir 31 Ogos 2022, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Ogos 2022, PNB secara sah memegang 70,018,393 (2021: 278,035,473) unit, merangkumi 0.30% (2021: 1.21%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer/institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	355,797,492	13.03	480,456	15.64
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	314,412,490	11.51	383,625	12.49
Maybank Investment Bank Berhad *	311,442,086	11.40	303,011	9.86
Affin Hwang Investment Bank Berhad*	284,656,861	10.42	320,198	10.42
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd.	175,505,559	6.43	244,053	7.94
JP Morgan Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	174,076,469	6.37	145,614	4.74
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	160,212,265	5.87	180,314	5.87
CGS-CIMB Securities Sdn. Bhd.*	154,390,718	5.65	177,594	5.78
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	152,076,157	5.57	228,114	7.43
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.*	147,104,600	5.39	67,112	2.18
Lain-lain	501,136,028	18.36	541,973	17.65
	2,730,810,723	100.00	3,072,065	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2022	2021
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.71 kali	0.45 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2022	2021
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.63%	0.67%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai NAB pada kos Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebagai daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Pendapatan

Risiko kadar keuntungan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 Putrajaya , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 Shah Alam , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 Kuala Selangor , Selangor
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, Bukit Baru , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 Temerloh , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang
PERLIS	
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 Kangar , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah

JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram 83000 Batu Pahat Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Hidrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 Miri , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

PENGURUS

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

E MEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad
200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya
No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003

Faks: 03-2072 0320

Emel: art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.my